

NCER Catat Realisasi Pelaburan Sebanyak RM42.76 bilion di Pulau Pinang pada 2024

PULAU PINANG, 15 APRIL 2025 – Pulau Pinang terus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab pelaburan dan inovasi teknologi di Malaysia, dengan mencatat pelaburan direalisasi bernilai RM42.76 bilion dan mewujudkan hampir 9,000 peluang pekerjaan pada tahun 2024.

Pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Momentum positif ini berterusan pada tahun 2025, dengan pelaburan sebanyak RM13.3 bilion dan 3,000 peluang pekerjaan baharu direalisasikan setakat suku pertama 2025.

Perkembangan terkini ini dibincangkan dalam Majlis Kolaborasi Strategik bagi Kemajuan NCER Technology Innovation Centre (NTIC) dan NCER Entrepreneur Sustainable Transformation (NEST) diadakan di KOMTAR, hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan.

Dalam ucapannya, Ketua Menteri menekankan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh NCER, selaras dengan Visi Penang2030 dan aspirasi Ekonomi MADANI.

Beliau menyatakan, “NTIC dan NEST memainkan peranan penting dalam membangunkan ekosistem inovasi dan keusahawanan mampan di Pulau Pinang. Pada tahun 2024, NTIC telah membantu merealisasikan pelaburan sebanyak RM26.8 bilion dan mewujudkan lebih 900 peluang pekerjaan, manakala NEST berjaya

meningkatkan jualan tahunan kumulatif syarikat-syarikat tempatan sebanyak RM197 juta.”

Ketua Eksekutif NCI, Mohamad Haris Kader Sultan berkata, NTIC yang terletak di Bayan Lepas, bertujuan memperkukuh ekosistem industri melalui tiga inisiatif utama: Centre of Excellence (CoE), Advanced Technology Meister Programme (ATMP), dan Technology & Innovation (T&I). Pusat ini diharapkan dapat menjadi hab kerjasama antara PKS tempatan, syarikat multinasional dan institusi akademik.

Sementara itu, program NEST terus menunjukkan impak positif dengan membantu 80 syarikat tempatan meningkatkan pendapatan dan mewujudkan 356 peluang pekerjaan baharu. Program ini memberi tumpuan kepada pengukuhan jenama, penerapan teknologi, dan pengurusan kewangan yang efisien.

“NCER komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelaburan utama dan pusat inovasi teknologi di rantau ini,” jelas beliau.

Menerusi pencapaian dan inisiatif terkini ini, Pulau Pinang terus melangkah ke hadapan sebagai model pembangunan ekonomi mampan dan hab berteknologi tinggi, selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Strategik NCER.

Untuk maklumat lanjut mengenai NCER, sila layari laman sesawang NCER di www.ncer.com.my.

-TAMAT-

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkeanaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

<p>En. Fairus Kassim Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: fairus@ncer.com.my No Tel: + 019-3272507 GL: + 604-502 0708</p>	<p>En. Ariff Ahmad Ketua Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: ariffahmad@ncer.com.my No Tel: + 016-3288944 GL: + 604-502 0708</p>
--	---

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>